



PERLAKSANAAN HUKUMAN TERHADAP KESALAHAN  
ZINA DI DALAM ISLAM

OLEH:

ROSNIZA BT. MOHAMED

KULLIYAH UNDANG-UNDANG  
UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA  
MALAYSIA

PERLAKSANAAN HUKUMAN TERHADAP KESALAHAN  
ZINA DI DALAM ISLAM

OLEH:

ROSNIZA BT MOHAMED

KERTAS PROJEK INI IALAH SATU LATIHAN ILMIAH  
UNTUK MEMENUHI SEBAHAGIAN DARIPADA KEPERLUAN  
DIPLOMA UNDANG-UNDANG DAN PENTADBIRAN KEHAKIMAN  
ISLAM PADA SESI 1992/1993

KULLIYAH UNDANG-UNDANG  
UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA  
MALAYSIA  
(MEI 1993)

*Buat ,*

*Umi, Ayah,  
Nenek, Atuk,  
Abang Zul, Kak Rose,  
Noor, Jack,  
Nabilla dan Fatima*

## ABSTRAK

Kajian ini merupakan satu kajian mengenai hukuman ke atas pesalah zina, cara perlaksanaan dan kesannya perlaksanaan hukuman ini.

Terdapat lima bab di dalam kajian ini. Bab I membicarakan mengenai hipotesis kajian, tujuan kajian ini dijalankan, bidang kajian serta methodologi yang digunakan untuk membuat kajian ini.

Bab II pula membicarakan mengenai konsep hukuman bagi kesalahan zina dan justifikasi hukuman tersebut ke atas pesalah. Di dalam bab ini, penulis menyentuh mengenai kesalahan zina mengikut Islam dan peruntukan Akta serta hukuman yang sepatutnya dijatuhkan ke atas pesalah zina. Penulis juga menyentuh mengenai kewajaran hukuman yang ditetapkan oleh Islam ke atas pesalah zina.

Bab III pula, membincangkan tentang pelaksanaan hukuman. Di dalam bab ini, penulis membicarakan tentang langkah-langkah awal yang perlu diikuti sebelum sesuatu hukuman itu dilaksanakan. Ini termasuklah kawalan dalaman dan luaran untuk menghindari diri dari perbua-

tan tersebut. Untuk melaksanakan hukuman ke atas penzina, perlu diketahui cara-cara pembuktian. Di dalam kes zina, cara-cara pembuktian ialah dengan penyaksian, pengakuan dan qarinah. Manakala cara pelaksanaan ialah dengan tiga cara iaitu rejam, sebat dan buang negeri.

Seterusnya Bab IV membincangkan tentang kesan hukuman hudud di mana hukuman ini merupakan rahmat Allah untuk mencegah perbuatan terkutuk ini dari terus dilakukan. Usaha-usaha juga dilakukan oleh pihak yang berkuasa untuk mengurangkan jenayah zina dan dapat dilihat apakah usaha ini berkesan atau tidak berdasarkan laporan jenayah yang dibicarakan di Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Akhir sekali, di dalam Bab V kajian ini, dibuat beberapa rumusan hasil daripada kajian ini serta diutarakan beberapa saranan untuk dinilai bersama.

## PENGHARGAAN

Segala puji hanya untuk Allah s.w.t. Pencipta sekelian alam. Selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad s.a.w. serta keluarga dan para sahabat baginda.

Setinggi kesyukuran penulis panjatkan ke hadrat Allah s.w.t. kerana dengan izin dan petunjukNya, penulis dapat menyempurnakan latihan ilmiah ini walaupun dalam serba kekurangan.

Terlebih dahulu, penulis ingin merakam jutaan terimakasih kepada yang berbahagia, Dr. Kassim Salleh selaku penyelia kepada penulis, di atas segala bimbingan yang diberikan sepanjang kajian ini dijalankan.

Terimakasih tidak terhingga kepada Prof. Dato' Nik Ab. Rashid yang banyak memberi tunjuk ajar dan teguran yang membina kepada penulis dalam menyiapkan kajian ini. Juga terimakasih buat adik Zaiti Akhtar yang banyak membantu penulis dalam kerja-kerja menyiapkan kajian ini.

Akhir sekali, ucapan terimakasih buat teman-teman seperjuangan terutama buat Haznita, Noor Hadina, Zulfikri, Hasnan dan Ab. Khawi. Juga, tak lupa buat Azni. Terimakasih segalanya dan hanya Allah yang dapat membalasnya.

ROSNIZA MOHAMED,

Diploma Undang-undang dan  
Pentadbiran Kehakiman Islam,  
Universiti Islam Antarabangsa.

## DAFTAR ISI

ABSTRAK .....	i
PENGHARGAAN .....	iii
BAB I	
PENDAHULUAN	
1.1 Hipotesis .....	1
1.2 Tujuan Kajian .....	2
1.3 Bidang Kajian .....	3
1.4 Methodologi Kajian .....	4
BAB II	
KONSEP HUKUMAN BAGI KESALAHAN ZINA DAN JUSTIFIKASINYA	
2.1 Pengenalan .....	6
2.2 Kesalahan Zina Mengikut Islam .....	7
2.3 Kesalahan Zina Mengikut Peruntukan Akta.....	8
2.4 Hukuman Zina /.....	12
2.5 Justifikasi Hukuman Zina .....	17
2.6 Kesimpulan .....	20
BAB III	
PELAKSANAAN HUKUMAN	
3.1 Pengenalan .....	24

3.2	Langkah-langkah Awal Ke arah Melaksanakan Hukuman .....	25
3.2.1	Kawalan Dalaman .....	25
3.2.2	Kawalan Luaran .....	27
3.3	Perlaksanaan Hukuman Ke atas Penzina ...	29
3.3.1	Cara-cara Pembuktian .....	29
3.3.1.1	Penyaksian .....	29
3.3.1.2	Pengakuan (al-Iqrar) ...	34
3.3.1.2	Qarinah .....	39
3.3.2	<u>Cara Pelaksanaan</u> .....	41
3.3.2.1	Rejam .....	41
3.3.2.2	Sebat .....	45
3.3.2.3	Pembuangan Negeri .....	49
3.4	Peruntukan Hukuman Sebat di dalam Kanun Acara Jenayah .....	50
3.5	Kesimpulan .....	56

## BAB IV

### KESAN HUKUMAN HUDUD

4.1	Pengenalan .....	61
4.2	Hukuman Hudud Merupakan Rahmat Allah ...	62
4.3	Kesan Hukuman Hudud .....	65
4.4	Usaha-usaha yang Dilakukan Oleh Pihak Berkuasa untuk Mengurangkan Jenayah Zina .....	74
4.5	Laporan Jenayah Syariah yang Dibicarakan di Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur .....	75
4.6	Kesimpulan .....	80

**BAB V**

**RUMUSAN DAN SARANAN**

5.1	Rumusan .....	84
5.2	Saranan .....	86

**BIBLIOGRAFI**

**LAMPIRAN**

**BAB**

**I**

## BAB I

### PENDAHULUAN

#### 1.1 HIPOTHESIS

Tidak dapat dinafikan lagi bahawa hudud merupakan sebahagian daripada hukum Allah yang mesti dipatuhi dan dilaksanakan. Walau bagaimanapun, telah timbul satu persoalan iaitu adakah patut hukuman ini dilaksanakan di dalam keadaan dan suasana masyarakat pada hari ini.

Baru-baru ini Kerajaan Kelantan telah menyatakan hasrat untuk melaksanakan hukuman hudud di negeri tersebut. Hal ini telah menimbulkan kegawatan di kalangan masyarakat negara ini. Walaupun tidak dapat dinafikan ada suara-suara yang menyokong tindakan tersebut, namun begitu terdapat berbagai-bagai cemuhan, kritikan dan tanggapan negatif lahir dari berbagai-bagai pihak yang disiarkan dalam media massa, terutama dalam akhbar-akhbar dan majalah-majalah. Kontroversi ini telah timbul di kalangan masyarakat termasuk orang Islam di mana mereka merasakan hukuman hudud adalah tidak sesuai dengan kehendak dan suasana dunia hari ini.

Adalah tidak menghairankan mengapa fenomena seperti ini terjadi. Ini disebabkan kejahilan mereka mengenai konsep sebenar tentang jenayah dan hukuman di dalam Islam.

Oleh itu satu perkara yang penting yang mesti diambil kira iaitu bagaimana untuk menghilangkan kekeliruan tersebut. Dengan cara menerangkan falsafah, konsep dan kedudukan sebenar mengenai kesalahan dan hukuman hudud, kekeliruan ini mungkin akan dapat diatasi.

Juga perlu diingatkan, sebelum hukuman hudud dilaksanakan, prosedur yang betul, terang dan jelas mestilah diikuti. Sekiranya konsep dan prosedur yang sebenar tidak diikuti, keadilan dan kesucian Undang-undang Islam akan tercemar.

## 1.2 TUJUAN KAJIAN

Kajian ini mengandungi beberapa objektif, iaitu:

- 1.2.1 Menerangkan konsep hukuman hudud dan justifikasinya dengan pengkhususan kepada kesalahan zina.

- 1.2.2 Mengenal pasti prosedur yang betul yang perlu diikuti di dalam melaksanakan hukuman untuk kesalahan zina mengikut Undang-undang Jenayah Islam.
- 1.2.3 Memperlihatkan kesan positif dari perlaksanaan hukuman hudud. Ini adalah untuk mengurangkan masalah jenayah dan untuk memelihara kehidupan masyarakat dari gangguan jenayah.
- 1.2.4 Menunjukkan bahawa sistem keadilan jenayah Islam, terutama hukuman hudud, merupakan cara yang paling berkesan untuk dilaksanakan dan ianya sesuai mengikut perkembangan zaman.
- 1.2.5 Menjelaskan apa-apa kekeliruan yang timbul di dalam masyarakat mengenai hukuman hudud dan dalam masa yang sama menolak dakwaan yang mengatakan bahawa hukuman hudud bagi kesalahan zina adalah kejam dan tidak berperikemanusiaan.

### 1.3 BIDANG KAJIAN

Kajian yang dijalankan oleh penulis di dalam kertas projek ini adalah secara ringkas iaitu sekitar hukuman yang dikenakan terhadap mereka yang melakukan kesalahan zina.

Di dalam hal ini, penulis akan memperjelaskan apakah yang dikatakan kesalahan zina dan hukuman yang berkaitan. Bagaimana caranya untuk mensabitkan kesalahan ini terhadap orang yang dituduh dan bagaimana cara-cara untuk melaksanakan hukuman ini.

Berhubung dengan pelaksanaan hukuman hudud ini, apakah kesan hukuman ini jika ianya dilaksanakan? Penulis akan membawa contoh negara yang melaksanakan hukuman yang ditetapkan oleh Islam serta negara yang mengamalkan undang-undang ciptaan manusia.

Penulis juga akan menyentuh serba sedikit mengenai beberapa perkara yang berhubung dengan masalah ini yang diperuntukkan di dalam Akta Keterangan, Akta Kesalahan Jenayah, Undang-undang Pentadbiran Hukum Syarak, Enakmen Acara Jenayah dan lain-lain akta yang berkaitan.

#### 1.4 METHODOLOGI KAJIAN

Kajian ini merupakan kajian perpustakaan (library research) yang mana maklumat dan data yang diperolehi untuk membuat kajian ini adalah berdasarkan kepada proses pembacaan. Bahan-bahan bacaan termasuklah buku, artikel yang dipetik dari majalah dan kertas

kerja yang dibentangkan dalam seminar jenayah serta lain-lain bahan bacaan yang berkaitan dengan kajian.

Melalui proses pembacaan, penulis cuba mendapatkan maklumat sebenar mengenai hukuman ke atas kesalahan zina dan perkara-perkara yang berkaitan dengannya seperti cara pensabitan kesalahan tersebut dan cara perlaksanaan hukuman.

Penulis juga telah menumpukan kepada penyelidikan tinjauan yang mendatar. Jadi, penulis telah menggunakan method observasi dengan merujuk kepada kes-kes yang dibicarakan di mahkamah.

**BAB**  
**II**

## BAB II

### KONSEP HUKUMAN BAGI KESALAHAN ZINA DAN JUSTIFIKASINYA

#### 2.1 PENGENALAN

Oleh kerana zina merupakan satu perbuatan yang berkait rapat dengan kesalahan hudud, jadi adalah penting untuk ditakrifkan erti hudud. Hudud ialah perkataan jamak dari hadd. Dari segi bahasa ia bermaksud sempadan atau had.<sup>1</sup> Jadi *hadd* ialah satu penetapan hukum mengenai perkara halal atau haram. Di dalam undang-undang Jenayah Islam, *hadd* membawa maksud undang-undang yang tidak boleh dipinda dan ianya ditentukan oleh Allah dan dikenali sebagai hak Allah.<sup>2</sup>

Dalam konteks Kanun Kesiksaan, hukuman hudud yang telah ditentukan itu bermaksud hukuman yang telah ditetapkan dan tidak boleh dipinda-pinda. Apa yang dimaksudkan dengan hak Allah itu ialah hak kepentingan (maslahat) umum dan individu serta masyarakat dan ianya tidak boleh lagi dipinda.<sup>3</sup> Ini bertepatan dengan firman Allah:<sup>4</sup>

تِلْكَ حُدُودُ اللَّهِ فَلَا تَعْدُوهَا ، وَمَنْ يَتَعَدَّ حُدُودَ اللَّهِ فَأُولَئِكَ  
هُمُ الظَّالِمُونَ

"Itulah aturan-aturan hukum Allah, maka janganlah kamu melanggarnya dan sesiapa melanggar aturan-aturan hukum Allah, maka mereka itu orang-orang yang zalim".

Istilah hudud digunakan sebagai satu kesalahan dan juga sebagai satu hukuman. Jenayah yang melibatkan hudud jelas dinyatakan didalam al-Quran dan al-Sunnah dan kesemuanya terdiri dari lapan kesalahan. Ianya meliputi kesalahan (1) mencuri ( سرقة ), (2) merompak ( حرابه ), (3) zina (4) meminum minuman yang memabukkan ( شرب الخمر ), (5) qazaf, (6) memberontak ( بغي ) dan (7) murtad.<sup>5</sup>

## 2.2 KESALAHAN ZINA MENGIKUT ISLAM

Di dalam undang-undang jenayah Islam, definisi zina adalah berbeza mengikut berlainan mazhab . Definisi yang paling lengkap dan luas ialah sebagaimana yang diberi oleh mazhab Hanafi. Mereka mendefinisikan zina sebagai hubungan seksual di antara lelaki dan seorang perempuan tanpa hubungan yang sah atau bukan dalam keadaan wati shubhah.<sup>6</sup>

Meskipun mereka memberi definisi yang berbeza mengenai kesalahan zina, semua fuqaha' bersetuju bahawa unsur paling penting dalam kesalahan ini ialah hubungan jenis (al-wati). Oleh itu hubungan yang berkaitan dengan seks yang tidak melibatkan hubungan jenis tidak

boleh dikatakan zina dan tidak boleh dikenakan hukuman hadd zina. Tetapi ianya dikenali sebagai kesalahan maksiat dan boleh dihukum dengan takzir iaitu hukuman yang tidak ditentukan oleh Allah.<sup>7</sup>

Zina termasuklah zina muhsan iaitu persetubuhan sukarela di antara orang yang telah berkahwin yang berlainan seksnya yang bukan isteri atau suaminya (adultery) dan zina ghair muhsan iaitu persetubuhan yang dilakukan di antara lelaki dan perempuan yang belum berkahwin (fornication).<sup>8</sup>

### 2.3 KESALAHAN ZINA MENGIKUT PERUNTUKAN AKTA

Bagi Wilayah Persekutuan, terdapat satu akta yang memperuntukkan tentang kesalahan syariah dan perkara-perkara yang berkaitan dengannya. Akta ini dinamakan Akta Kesalahan Syariah Wilayah Persekutuan 1988. Di dalam S.53(1), Akta ini telah memperuntukkan bahawa zina adalah persetubuhan haram yang dikenakan hadd jika:

- (a) ia dilakukan oleh seorang lelaki yang mukallaf dan tidak gila dengan seorang perempuan yang bukan menjadi isterinya atau bukan dalam keadaan wati shubhah.
- (b) ia dilakukan oleh seorang perempuan yang mukallaf dan tidak gila dengan seorang lelaki

yang bukan menjadi suaminya dan bukan dalam keadaan wati shubbah.

Keadaan ini jelas menunjukkan bahawa Akta Kesalahan Syariah telah mentafsirkan kesalahan zina itu seperti yang dikehendaki oleh Islam; cuma ia tidak menetapkan jenis zina, iaitu sama ada 'zina muhsan' atau 'zina ghair muhsan'. Walau bagaimanapun, bagi kesalahan zina ini telah ditetapkan hukuman hadd di mana di dalam S.53 (2) telah memperuntukkan bahawa "sesiapa melakukan zina yang boleh dikenakan hukuman hadd hendaklah dihukum mengikut hukum syarak".

Dengan peruntukan S.53(2) ini, jelaslah bahawa bagi sesiapa yang melakukan zina, maka hukuman yang telah ditetapkan oleh syarak hendaklah dikenakan terhadap mereka. Sebagaimana yang kita ketahui, hukuman hadd zina mengikut hukum syarak ialah rejam bagi zani muhsan dan sebat bagi zani ghair muhsan (Lihat perbincangan dalam 'Hukuman Zina').

Adalah bertepatan dengan kehendak Islam jika undang-undang ini betul-betul dilaksanakan. Sekiranya undang-undang ini dilaksanakan, maka sudah tentu perbuatan jenayah, terutama zina akan berkurangan, sebagaimana keadaan di Arab Saudi.

Di dalam Kanun Kesiksaan Malaysia pula, tidak

dinyatakan maksud zina tetapi terdapat satu peruntukan mengenai 'rogol'. Mengikut S.375 Kanun tersebut, "seseorang lelaki adalah dikatakan melakukan 'rogol' jika ia, kecuali dalam hal yang dikecualikan kemudian daripadanya, bersetubuh dengan seorang perempuan dalam keadaan yang termasuk dalam mana-mana satu daripada lima jenis yang berikut:

Pertama - Bertentangan dengan kemahuan perempuan itu.

Kedua - Dengan tiada kerelaan perempuan itu.

Ketiga - Dengan kerelaan perempuan itu, manakala kerelaan nya telah didapati dengan mendatangkan kepadanya ketakutan bahawa pembunuhan atau kecederaan akan berlaku.

Keempat - Dengan kerelaan perempuan itu manakala lelaki itu ketahui ia bukannya suaminya, dan kerelaan itu diberi kerana perempuan itu percaya lelaki itu ialah seorang lelaki yang menjadi atau yang ia percaya menjadi suaminya yang sah di sisi undang-undang atau yang kepadanya ia akan memberi kerelaan.

Kelima - Sama ada dengan kerelaan perempuan itu atau tidak jika perempuan itu berumur kurang daripada empat belas tahun.

Di dalam seksyen ini, rogol merupakan persetubuhan yang dilakukan secara paksa terhadap perempuan. Ianya tidak menyebut mengenai persetubuhan yang dilaku-

kan dengan kerelaan kedua-dua belah pihak. Oleh kerana Kanun Kesiksaan merupakan suatu enakmen bagi menyatakan undang-undang berkenaan dengan kesalahan-kesalahan jenayah, maka persetubuhan yang dilakukan dengan kerelaan perempuan tidak dianggap kesalahan 'rogol' yang perlu dimasukkan di bawah enakmen kerana ia bukan merupakan kesalahan jenayah.

Mengikut S.376 Kanun Kesiksaan, "barangsiapa melakukan rogol hendaklah disiksa dengan penjara yang boleh sampai dua puluh tahun dan bolehlah juga dikenakan denda, atau sebat. Kesalahan kerana merogol adalah satu kesalahan mandatori selama tidak kurang dari lima tahun penjara di mana jika mahkamah mendapati seseorang itu bersalah, maka mahkamah tidak mempunyai pilihan hukuman, seperti denda, tetapi hendaklah menghantar pesalah itu ke penjara. Ini merupakan siksaan bagi kesalahan jenayah yang dilakukan oleh perogol. Bagi seseorang yang disabitkan kesalahan zina, 'kesalahan' mereka tidak boleh disabitkan di bawah Kanun Kesiksaan, kecuali kesalahan yang mereka lakukan itu mempunyai ciri-ciri kesalahan jenayah seperti yang diperuntukkan di dalam S.375(1) Kanun tersebut.

Di dalam Kanun Kesiksaan juga dimasukkan kekecualian dari disabitkan kesalahan rogol di mana diperuntukkan bahawa persetubuhan oleh seorang lelaki dengan isterinya sendiri yang berumur tidak kurang dari

empat belas tahun, bukanlah rogol. Kekecualian ini diperuntukkan bagi menyangkal keadaan Kelima dari S.375 yang berbunyi: sama ada dengan kerelaan perempuan itu atau tidak, jika perempuan itu berumur kurang daripada empat belas tahun.

Dengan adanya kekecualian ini, keadaan Kelima dari seksyen ini tidak boleh dipakai bagi mensabitkan persetubuhan oleh seorang suami dengan isterinya yang berumur kurang dari empat belas tahun.

#### 2.4 HUKUMAN ZINA

Bentuk hukuman bagi kesalahan zina adalah berbeza mengikut status perkahwinan orang yang melakukannya sama ada mereka sudah berkahwin (muhsan) atau belum berkahwin (ghair muhsan). Hukuman untuk pasangan yang berzina tetapi belum berkahwin telah diperjelaskan di dalam al-Quran dan al-Hadith seperti firman Allah:<sup>9</sup>

الزانية والزاني فاجلدوا كل واحد منهما مائة جلدة

" perempuan dan lelaki yang berzina hendaklah disebut setiap seorang dari mereka dengan seratus sebatan "